

# Dasar Pemisah bukti UMS komited

## Dalam perkhidmatan awam berprestasi tinggi

4B 8.3.2017 B3

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

**P**ELAKSANAAN Dasar Pemisah (Exit Policy) bukti Universiti Malaysia Sabah (UMS) komited wujudkan perkhidmatan awam berprestasi tinggi.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata dasar berkenaan mula berkuatkuasa tahun ini untuk penilaian Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) bagi 2016.

Katanya dasar itu juga bagi memastikan perkhidmatan awam di UMS tidak terjejas dengan prestasi rendah kakitangan.

Menurutnya Dasar Pemisah adalah untuk menamatkan perkhidmatan dan membersarakan kakitangan yang berprestasi rendah.

“Bagaimanapun, golongan berkenaan masih boleh menikmati kemudahan seperti persaraan biasa iaitu pencen bulanan, ganjaran, pemberian wang tunai

“Bagi memastikan dasar ini dilaksanakan dengan telus, sebuah Panel Intervensi Psikologi (Pips) ditubuhkan. Panel ini akan menentukan program intervensi yang sesuai bagi tempoh pemerhatian terhadap kakitangan berprestasi rendah yang terlibat.”



**PROF DATUK DR MOHD HARUN ABDULLAH**  
Naib Canselor UMS

gantian cuti, kemudahan perubatan, serta kad pesara.

“Pelaksanaan dasar ini diuruskan oleh sumber manusia dan pegawai psikologi secara sistematik dan seragam bersandarkan pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 2015.

“Bagi mereka yang memilih Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), mereka akan menerima caruman KWSP dan dividen serta kemudahan lain kecuali ganjaran,” katanya.

Beliau berkata demikian

ketika berucap sempena Majlis Amanat Naib Canselor di Dewan Kuliah Pusat 2 UMS kelmarin.

Harun berkata kakitangan yang berprestasi rendah diklasifikasikan sebagai golongan yang memperoleh markah LNPT 60 peratus dan ke bawah serta tidak mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan.

Selain itu katanya ia melibatkan semua peringkat kumpulan termasuklah pengurusan tertinggi

universiti.

“Bagi memastikan dasar ini dilaksanakan dengan telus, sebuah Panel Intervensi Psikologi (Pips) ditubuhkan.

“Panel ini akan menentukan program intervensi yang sesuai bagi tempoh pemerhatian terhadap kakitangan berprestasi rendah yang terlibat,” jelasnya.

Menurutnya di samping mahu mewujudkan perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi, ia juga bertujuan menghasilkan perkhidmatan yang berintegriti sejajar dengan autonomi yang diperolehi UMS pada Julai 2016.

Pihaknya akan memperkasakan usaha itu dengan pengoptimuman sumber manusia yang terdiri daripada akademik dan pentadbiran.

Dalam pada itu, beliau berkata UMS juga akan memperketatkan pengambilan dan penyambungan kakitangan kontrak dengan mengambil kira keperluan strategik universiti serta prestasi individu.

“Ini bermakna, bilangan kakitangan kontrak baharu akan terhad manakala kakitangan kontrak sedia ada mungkin ada yang tidak disambung kontrak.

“Inisiatif ini diambil bagi mengoptimalkan perbelanjaan dalam menghadapi situasi ekonomi yang kian mencabar,” katanya.

Dalam amanatnya, Harun turut berkata bermula sesi 2017/2018, UMS akan melaksanakan penilaian Purata Nilai Gred Purata Kumulatif (iCGPA).

Langkah berkenaan jelasnya dimulakan dengan dua fakulti perintis iaitu Fakulti Kejuruteraan (FKJ) dan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP).



**BAHAN** penyelidikan turut dipamerkan dan Harun berpeluang mencuba bahan pameran yang disediakan.

Beliau berkata bermula sesi kemasukan 2017/2018, UMS akan menawarkan program akademik prasiswazah baharu iaitu Sarjana Muda Pendasaran Islam dengan Kepujian.

Menurutnya seramai 20 pelajar akan ditawarkan tempat untuk mengikuti program baharu itu.

“Dua lagi program

prasiswazah yang diluluskan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) ialah Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan Sarjana Muda Kejuruteraan Minyak dan Gas.

“UMS juga akan meneruskan program B40 yang mula dilaksanakan sejak 2013/2014 bagi membantu golongan

berpendapatan rendah untuk mengikuti pengajian di UMS.

“Kini seramai 67 pelajar B40 diambil pertama berjaya bergraduat pada majlis konvokesyen UMS yang lalu dan usaha ini turut mendapat sanjungan daripada Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Idris Jusoh,” katanya.



**MAHASISWA** UMS berkesempatan berbual mesra bersama Harun (kiri) dan pegawai tertinggi UMS yang lain.



**SEBAHAGIAN** pelajar yang hadir pada Majlis Amanat Naib Canselor.